

03 NOV 1997
G15-Sibexlink
DR MAHATHIR LANCAR SIBEXLINK

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Pangkalan data dalam talian yang pertama bagi G15 yang mengandungi pelbagai maklumat berhubung perniagaan di negara-negara G15 dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Majlis ringkas itu yang berlangsung di Pusat Pameran Mines di sini disaksikan oleh ketua-ketua kerajaan G15 yang menghadiri sidang kemuncak ketujuh kumpulan itu yang bermula hari ini.

Pangkalan data itu yang diberi nama Sibexlink Sdn Bhd Penyedia Maklumat Perniagaan Selatan-Selatan berfungsi seperti masyarakat siber bagi individu, syarikat atau persatuan perniagaan di negara-negara G15 dan negara lain dalam kumpulan dialog Selatan-Selatan.

Keanggotaan dalam program itu membolehkan mereka bertukar-tukar maklumat dan pangkalan data atau membuat urus janji atau menjalankan bentuk perniagaan yang lain secara dalam talian menerusi Internet.

Para pemimpin itu kemudian melawat Pameran Perdagangan G15 dan Pameran Produk Malaysia yang diadakan di tempat yang sama.

Pameran enam hari itu, yang disertai 144 syarikat dari negara-negara G15 dan 82 syarikat tempatan yang mempunyai urusan di negara-negara G15, diadakan bersempena sidang kemuncak G15.

Tempat pertama yang dilawati para tetamu khas itu ialah khemah Algeria di mana mereka disajikan minuman teh pudina dan buah tamar. Presiden Algeria Liamine Zeroual bertindak sebagai "tuan rumah".

Di gerai Peru, Presiden Peru Alberto Fujimori dan Dr Mahathir minum "Inca Cola" -- sejenis minuman cola tidak bergas -- dan berbual sambil melihat lukisan dan kutleri piuter yang dipamerkan.

Sementara itu, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan isteri para pemimpin yang lain mengadakan lawatan berasingan di pameran itu. -- BERNAMA
RA AKD